

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [JELUTONG]**

**SOALAN**

**YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status kerakyatan Dr. Zakir Naik di Malaysia. Mengapa beliau diberi layanan istimewa dan diberikan status penduduk tetap apabila ramai lagi individu yang telah menetap disini yang masih menunggu untuk mendapat dokumen pengenalan diri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Zakir Abdul Karim Naik atau lebih dikenali umum sebagai Dr. Zakir Naik adalah warga asing pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) sejak 21 April 2016. Pengeluaran MyPR kepada individu tersebut dilaksanakan secara teratur dan mengikut peruntukan di bawah Peraturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 iaitu berdasarkan pemilikan Permit Masuk yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).